

TAHAP KEPUASAN PROGRAM GEMPUR SUBUH MASJID AN-NUR DALAM KALANGAN *THE NAVY PEOPLE* PANGKALAN TLDM LUMUT

Nurul Khairiah Khalid*

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

Ahmad Rozaini Ali Hassan

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

Wan Kamal Nadzif Wan Jamil

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

*Corresponding Author's Email: [nkhairiah@uitm.edu.my](mailto:nkhaiyah@uitm.edu.my)

Article history:

Received : 20 Oktober 2023

Accepted : 13 November 2023

Published : 22 Disember 2023

ABSTRAK

Program Gempur Subuh (PGS) adalah salah satu program kerohanian bagi aktiviti pengimaranan Masjid an-Nur, Pangkalan TLDM Lumut. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan penghayatan ibadah dan keagamaan kepada para anggota. Objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap kepuasan anggota terhadap Program Gempur Subuh, sama ada mereka berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif. Seramai 1087 responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang diedar secara atas talian. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan peratus, min dan sisihan piawai. Tahap kepuasan anggota telah dinilai dari tiga aspek iaitu kepuasan terhadap program ceramah dan kuliah, kepuasan terhadap program solat berjemaah dan juga qiyamullail serta kepuasan terhadap tempoh masa serta kepadatan Program Gempur Subuh. Dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya tahap kepuasan anggota terhadap aktiviti ceramah, qiyamullail, tempoh masa aktiviti dan kepadatan aktiviti dalam Program Gempur Subuh adalah di tahap sederhana. Penambahbaikan secara berterusan perlu dilakukan supaya program ini dapat memuaskan hati setiap anggota yang menghadiri program tersebut.

Kata Kunci: Tahap Kepuasan; Gempur Subuh; The Navy People; Pangkalan TLDM

SATISFACTION LEVEL OF THE SUBUH (DAWN) PROGRAM AT MASJID AN-NUR AMONG THE NAVY PERSONNEL IN TLDM LUMUT BASE

ABSTRACT

The Subuh (Dawn) Assault Program (PGS) is one of the spiritual programs for the spiritual development activities at Masjid An-Nur, TLDM Lumut Base. This program aims to enhance the understanding of worship and religious practices among the members. The objective of this study is to assess the level of satisfaction among members regarding the Subuh Assault Program, whether they are satisfied with the activities conducted during the program. The research design is quantitative, using a descriptive approach. A total of 1087 respondents were selected to answer an online distributed questionnaire. The data obtained were analyzed using percentages, means, and standard deviations. Member satisfaction levels were evaluated in three aspects: satisfaction with lecture and discourse programs, satisfaction with congregational prayers and qiyamulail programs, and satisfaction with the timing and density of the Subuh Assault Program. The study findings overall indicate that the level of member satisfaction with lecture activities, qiyamulail, the timing of activities, and the density of activities in the Subuh Assault Program is at a moderate level. Continuous improvements are necessary to ensure that this program meets the expectations of every attending member.

Keywords: Satisfaction Level; Dawn Assault; The Navy People; TLDM Base

PENDAHULUAN

Sebagai seorang muslim, solat berjemaah di masjid amat digalakkan khususnya bagi lelaki. Pahala secara berjemaah digandakan sebanyak 27 kali ganda berbanding solat seorang diri. Maka hendaklah seseorang itu sedaya upaya untuk mendapat paling kurang satu waktu solat berjemaah di masjid. Buraydah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Berikan khabar gembira untuk mereka yang berjalan dalam gelap ke masjid (untuk solat berjemaah) dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat”

(Riwayat Abu Dawud, hadith sahih)

‘Abdullah bin Mas‘ud berkata dengan maksudnya:

“Sesiapa yang suka bertemu dengan Allah dalam keadaan muslim, maka hendaklah dia menjaga solat lima waktu setiap kali dia dipanggil untuk mengerjakannya. Sebab itu adalah jalan menuju petunjuk. Dan Allah telah memerintahkan Nabi kalian untuk mengikuti jalan petunjuk. Demi hidupku, sekiranya kalian semua solat

di rumah masing-masing sungguh kalian telah meninggalkan sunah Nabi kalian. Dan sekiranya kalian meninggalkan sunah Nabi kalian maka kalian akan tersesat. Kami perhatikan bahawa orang-orang yang meninggalkan solat berjemaah adalah seorang munafik yang tampak jelas kemunafikannya. Sungguh, aku telah melihat seorang lelaki yang mencelah antara dua orang hingga dia masuk dalam saf solat, tidaklah seorang lelaki yang bersuci dan memperelokkannya, kemudian menuju ke masjid untuk solat, maka tidaklah dia melangkahkan kaki kecuali dengan langkah tersebut Allah akan mengangkat darjatnya dan menghapus dosanya”

(Riwayat Ibn Majah, hadith saih mawquf)

Dua jenis solat fardu yang amat ditekankan agar didirikan secara berjemaah oleh Rasulullah SAW ialah solat fardu Isyak dan solat fardu Subuh. Solat fardu Isyak berjemaah dapat membentuk jiwa muslim ke arah ketakwaan dan menjauhi mereka daripada sifat-sifat munafiq. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya solat yang paling berat ke atas orang-orang munafiq ialah solat Isyak dan solat Subuh. Sekiranya mereka mengetahui keistimewaan yang ada pada kedua-dua solat ini nescaya mereka akan datang untuk bersolat walaupun terpaksa merangkak”

(Riwayat Ibn Majah, hadith saih)

Gempur Subuh adalah satu istilah khas yang mula digunakan oleh pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi program setiap hari Jumaat yang diisi dengan aktiviti tazkirah dan qiyamullail bermula dari Solat Maghrib pada hari Khamis dan berakhir dengan tazkirah Subuh. Istilah gempur bermaksud menggempur, menyerang dan membinasakan (musuh, pertahanan dan lain-lain) (Kamus Dewan, 2007 hlmn 455). Seringkali ianya diguna pakai oleh anggota tentera sahaja. Istilah ‘Gempur Subuh’ menunjukkan kesungguhan anggota tentera dalam melawan dan cuba membinasakan runtunan nafsu untuk bersenang lenang tidur di bilik, sebaliknya berjuang untuk mendirikan solat-solat sunat di sepertiga malam sehingga ke waktu Subuh.

Masjid An-Nur Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia merupakan sebuah masjid yang terletak di Pangkalan TLDM, Lumut, Perak. Masjid an-Nur kini berada di bawah pengurusan Markas Pangkalan Lumut yang dipengerusikan oleh Laksamana Pertama Dato' Haji Mohd Redzuan bin Haji Talib, TLDM D.S.I.S., A.M.N., Panglima Pasukan Khas Laut (PASKAL), Markas PASKAL, Lumut dengan jawatankuasa yang terdiri daripada anggota KAGAT dan TLDM dari pelbagai unit. Kini masjid yang boleh memuatkan seramai 3000 jemaah setiap waktu solat fardu ini sentiasa dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti bagi pengimaranan masjid termasuklah Program Gempur Subuh yang bermula pada tahun 2014.

LATAR BELAKANG

Idea pelaksanaan Gempur Subuh ini dicetuskan oleh Mantan Panglima Armada Barat Dato’ Seri Panglima Laksamana Madya Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli. Tujuan awal beliau adalah untuk memberi kesedaran kepada anggota Navy supaya mempunyai semangat dan kekuatan dalaman seperti tentera Sultan Muhammad al-Fateh, Turki Uthmaniyyah.

Kisah penakhlukan Kota Constantinople oleh pasukan tentera Sultan Muhammad al-Fateh sudah tidak asing lagi dalam Sejarah umat Islam. Penakhlukan ini bersifat istimewa bukan sekadar disebabkan senjata dan kegagahan fizikal tentera al-Fateh, bahkan kekuatan kerohanian hasil didikan Sultan Muhammad al-Fateh. Kekuatan roh Sultan Muhammad dan tentera-tenteranya yang bertunjangkan Iman, Islam dan Ihsan serta ketaqwaan kepada Allah menyumbang kepada kemenangan umat Islam (Aliafandy, 2015).

Program Gempur Subuh bermula dari solat Maghrib berjemaah hari Khamis, diikuti dengan kuliah Maghrib, Solat Isyak berjemaah dan kemudian pulang untuk tidur. Keesokan paginya jam 4.30 pagi, anggota akan berkumpul di masjid dan menunaikan Solat Tahajud bersendirian, Solat Taubat, Hajat dan Witir secara berjemaah serta Solat Subuh apabila masuk waktu. Program diteruskan dengan Kuliah Subuh selama lebih kurang 45 minit hingga 1 jam oleh penceramah dalaman ataupun jemputan luar.

Bagi kehadiran peserta untuk Program Gempur Subuh ini, penggiliran kehadiran adalah mengikut markas-markas yang telah ditetapkan dalam pekeliling Panglima Bantuan. Markas-markas tersebut terdiri daripada Markas Pangkalan Lumut, Markas Armada Barat, Markas Logistik Barat, Markas Pendidikan dan Latihan. Setiap Markas akan terlibat dengan semua anggota *the Navy People* adalah digalakkan hadir setiap minggu bagi yang tiada tugasan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian Fatimah Nadhirah (2012) berkenaan sambutan kakitangan JHEAT terhadap Program Pembangunan Insan yang dijalankan oleh JHEAT sendiri, program yang mendapat sambutan sederhana antaranya adalah program yang berbentuk keagamaan iaitu program ta’mir, dan program ihyā’ ramadhan. Program sebegini mendapat sambutan yang sederhana disebabkan kehadiran daripada kakitangan tidak diwajibkan dan kebanyakan kakitangan yang hadir adalah mereka yang mempunyai kesedaran peribadi untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada.

Bagi Pangkalan TLDM Lumut, antara aktiviti kerohanian utama yang dijalankan adalah Gempur Subuh melalui Pengarahan Pekeliling Panglima Markas Bantuan. Pada awalnya setiap unit perlu memastikan kehadiran warga tertentu ke PGS. Apabila kehadiran diwajibkan kepada anggota, anggaran bilangan yang hadir adalah di antara 200-300 orang. Namun apabila kehadiran tidak diwajibkan, maka bilangan adalah berkurangan. Melalui kajian tahap kepuasan anggota terhadap PGS ini dapat membantu pengurusan masjid an-Nur melakukan penamaian bagi kelangsungan PGS ini. Hal ini kerana bagi program berbentuk dakwah dan

keagamaan secara umumnya sukar untuk menarik audien kecuali ada faktor-faktor yang mendorong dan menarik untuk mereka hadir program tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan anggota terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang Program Gempur Subuh. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu usaha penambahbaikan berterusan pihak pengurusan dalam menganjurkan program-program kerohanian demi meningkatkan motivasi, akhlak dan sahsiah anggota dalam seluruh sistem.

SOROTAN LITERATUR

Sejak sekian lama sudah banyak program-program bagi menghidupkan waktu Subuh telah dijalankan dengan pelbagai nama yang berbeza. Kebanyakan program menghidupkan Subuh bermula dengan aktiviti qiyamullail yang diadakan sama ada di masjid atau surau penempatan masing-masing. Antara program luar yang pernah dianjurkan adalah Program Gempur Subuh oleh mahasiswa dari Pertubuhan IKRAM di PPRT melalui aktiviti kerohanian bersama seperti qiyamullail (bangun malam), Solat Subuh berjemaah, tazkirah, tadarus Al-Quran dan juga Seerah Corner (Program Gempur Subuh, 2017). Masjid Mahmoodiah Putrajaya pula mengambil inisiatif mengadakan program Jom Solat Subuh Berjemaah kepada remaja berusia 13 hingga 17 tahun selama seminggu (Yusmizal Dolah Aling, 2020). Masjid Mukim Kampung Wakaf di Kelantan memberikan sagu hati berbentuk wang tunai RM5 kepada kanak-kanak dan remaja yang hadir menunaikan solat subuh secara berjemaah di masjid berkenaan sebelum ke sekolah (Dapat RM5, Solat Subuh di Masjid, 2022), Masjid Hadhari di Jertih, pula mengagihkan wang saku persekolahan berjumlah RM7 bagi menarik minat kanak-kanak berusia bawah 15 tahun menunaikan solat Subuh dan Isyak, secara berjemaah. Kanak-kanak yang menunaikan solat Subuh di masjid akan menerima wang tunai RM5 manakala bagi mereka yang menunaikan solat Isyak akan mendapat RM2 (Nurul Fatihah Sulaini, 2022)

Yusmini dan Mohd Anwarulhaq (2004) membuat satu kajian mengenai maklum balas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid negeri di Semenanjung Malaysia mendapati maklum balas masyarakat terhadap program anjuran masjid-masjid di Semenanjung Malaysia berada pada tahap memuaskan berdasarkan peningkatan positif tahap kefahaman responden sebelum dan selepas menyertai program.

Satu kajian telah dibuat bagi mengenalpasti tahap kepuasan peserta terhadap pelaksanaan kursus pendek di Kolej Komuniti Selendar. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan peserta dari aspek penyampaian oleh pengajar dan kandungan kursus yang teratur. Dengan jumlah respondn seramai 357 orang, hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dari aspek penyampaian dan kandungan kursus pendek iaitu seramai 326 orang menyatakan tahap kepuasan tinggi bagi penyampaian kursus dan seramai 333 orang menyatakan kepuasan tinggi terhadap kandungan kursus pendek yang dilaksanakan (Sulaji, Suriyana; Hassan,

Suhaila; Wan Hitam, Wan Fadhilah., 2017). Namun program sebegini tidak boleh dibandingkan dengan program keagamaan disebabkan masing-masing mempunyai matlamat dan ganjaran selepas kursus yang berbeza.

Aspek kepuasan audien juga turut dikaji dalam penulisan tesis Nor Shahida Shahrel (2018) yang bertajuk “Penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara: Kajian di Masjid Al-Falah USJ 9, Selangor”. Dapatkan kajian beliau menyatakan bahawa terdapat enam aspek yang dikenalpasti mempengaruhi aspek penerimaan khalayak terhadap pendakwah luar negara, iaitu peranan dan sumbangan masjid, sifat-sifat pendakwah tersbut, karismatik dan kandungan kuliah, kefahaman terhadap syaranan umum Islam serta kredibiliti penceramah. Kehadiran pendakwah luar negara dalam menyampaikan syaranan umum Islam di masjid tersebut diterima baik oleh responden yang hadir dalam program tersebut.

Kebanyakan program keagamaan anjuran masjid dan surau biasanya melibatkan pembelajaran Andragogi (dewasa) iaitu satu proses di mana setiap individu cuba mengubah atau meningkatkan pengetahuan mereka. Pelajar dewasa perlu bebas untuk mendorong diri mereka sendiri, memiliki asas pengalaman hidup dan pengetahuan, tahu apakah matlamat yang ingin dicapai, melihat apakah rasionalnya untuk mempelajari sesuatu perkara, memberikan fokus kepada aspek pembelajaran yang paling berguna dalam pekerjaan dan paling penting pelajar dewasa perlu ditunjukkan rasa hormat. Satu kajian telah dibuat berkenaan andragogi pengajaran kuliah dalam program mengimarahkan masjid dan surau masa kini bagi melihat kepuasan dan keperluan ahli jemaah terhadap aktiviti kuliah yang disampaikan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para jemaah berpuas hati terhadap kaedah penyampaian andragogi yang diamalkan oleh para pengkuliah dan bersetuju sekiranya pihak masjid dan surau dapat menyediakan kemudahan ICT seperti rakaman kuliah untuk kegunaan rujukan pada masa hadapan (Zamri Rajab, Muhammad Zawawi Muhammad Ali, Mohd Yusri Mustafa, Mohd Rusli Ismail & Abdullah Mohamad. 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data. Reka bentuk kajian ini adalah untuk meninjau perkara-perkara berikut:

- (i) Demografi responden PGS
- (ii) Tahap kepuasan anggota terhadap program PGS

Kajian ini melibatkan anggota TLDM yang terdiri daripada pelbagai peringkat pangkat yang dipilih sebagai responden kajian bagi menjawab instrumen soal selidik. Soal selidik ini bertujuan untuk meninjau tahap kepuasan responden yang menghadiri program ini.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di unit-unit dalam Pangkalan TLDM Lumut yang merangkumi empat buah markas pemerintahan. Bagi mewakili populasi kajian responden telah dipilih dari setiap markas sebagai responden kajian. Pemilihan responden ditentukan oleh pihak TLDM berdasarkan bilangan yang diperlukan sebagai bilangan responden kajian. Lokasi kajian ini bersesuaian dengan populasi kajian kerana batasan kajian yang memfokuskan kajian di Pangkalan TLDM Lumut. Berikut adalah senarai lokasi kajian seperti di Jadual 1. Kajian ini akan melibatkan 1087 orang anggota yang berada di Pangkalan TLDM Lumut untuk menjawab borang soal selidik. Kajian ini tidak melibatkan anggota penjawat awam yang berkhidmat dalam Pangkalan ini.

Jadual 1: Senarai Nama Unit Kajian

Nama Unit
Markas Armada Barat
Markas Pemerintahan
Markas Logistik Barat
Markas Pangkalan Lumut

HASIL KAJIAN

Dapatan kajian dan hasil ujian yang dibuat meliputi demografi dan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Manakala analisis yang melibatkan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjelaskan profil responden untuk menjawab persoalan kajian. Profil sampel yang diperolehi dalam kajian ini merujuk kepada aspek utama tentang latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu latar belakang demografi dan faktor kehadiran warga *The Navy People*.

(i) Demografi

Latar belakang demografi responden difokuskan kepada faktor tempat khidmat dan lokasi tempat tinggal. Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan tempat-tempat bertugas responden di Pangkalan TLDM Lumut, seramai 464 anggota sebagai responden (42.7%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Pemerintahan dan pendidikan Latihan, seramai 321 anggota sebagai responden (29.5%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Pemerintahan Markas Armada Barat. Manakala seramai 158 anggota sebagai responden (14.5%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Pangkalan Lumut dan seramai 144 anggota sebagai responden (13.2%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Logistik Barat. Manakala faktor lokasi tempat tinggal responden, seramai 795 anggota (73.1%) tinggal di dalam pangkalan, 292 anggota (26.9%) tinggal di luar pangkalan. Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah seramai 1087 anggota (100%).

Jadual 2: Profil Sampel Mengikut Pecahan Tempat Khidmat Dan Faktor Lokasi Tempat Tinggal

Faktor	Kategori	Kekerapan	Peratus
Tempat Khidmat	Markas Armada Barat	321	29.5
	Markas Pemerintahan dan Pendidikan Latihan	464	42.7
	Markas Logistik Barat	144	13.2
	Markas Pangkalan Lumut	158	14.5
Lokasi Tempat Tinggal	Dalam Pangkalan	795	73.1
	Luar Pangkalan	292	26.9
	Jumlah	1087	100.0

(ii) Tahap Kepuasan Anggota Terhadap Program PGS

Perincian analisis terhadap faktor kepuasan warga *The Navy People* terhadap PGS adalah seperti jadual di bawah. Analisis deskriptif bagi konstruk pada bahagian C adalah berkaitan dengan tahap kepuasan hati responden terhadap PGS. Bagi menilai tahap-tahap tersebut item-item dibentuk untuk mengenal pasti tahap kepuasan terhadap program ceramah, program solat berjamaah dan qiyamullail serta tahap kepuasan bagi keseluruhan program. Item C1 hingga item C8 adalah berkaitan dengan program ceramah, item C9 hingga C10 adalah berkaitan dengan program solat berjamaah serta qiyamullail, manakala item C8 dan C11 adalah bagi mengukur tahap kepuasan hati responden terhadap tempoh masa dan kepadatan aktiviti dalam PGS.

Jadual 3: Faktor kepuasan warga *The Navy People* terhadap PGS

Kod	Item	STB	TB	KB	B	SB	Min	SP	Thip
C1	Jemputan Luar	8 (0.7%)	11 (1.0%)	64 (5.9%)	768 (21.7%)	236 (21.7%)	4.1159	.60795	(T)
C2	Dalaman KAGAT	8 (0.7%)	14 (1.3%)	61 (5.6%)	800 (73.6%)	204 (18.8%)	4.0837	.59570	(T)
C3	Isi Kandungan	5 (0.5%)	10 (0.9%)	60 (5.5%)	817 (75.2%)	195 (17.9%)	4.0920	.55191	(T)
C4	Kaedah Penyampaian Jemputan	8 (0.7%)	8 (0.7%)	66 (6.1%)	805 (74.1%)	200 (18.4%)	4.0865	.57725	(T)
C5	Kaedah Penyampaian KAGAT	176 (16.2%)	349 (32.1%)	374 (34.4%)	161 (14.8%)	27 (2.5%)	2.5529	1.00858	(S)

C6	Bosan Dengar Ceramah	22 (2.0%)	55 (5.1%)	196 (18.0%)	673 (61.9%)	141 (13.0%)	3.7875	.80623	(T)
C7	Suka <i>Slide</i>	31 (2.9%)	47 (4.3%)	179 (16.5%)	699 (64.3%)	131 (12.1%)	3.7838	.81773	(T)
C8	Tempoh yang sesuai	127 (11.7%)	291 (26.8%)	377 (34.7%)	256 (23.6%)	36 (3.3%)	2.8004	1.03158	(S)
C9	Hanya Solat Jemaah	8 (0.7%)	16 (1.5%)	77 (7.1%)	830 (76.4%)	156 (14.4%)	4.0212	.58252	(T)
C10	Suka Solat di Rumah	76 (7.0%)	167 (15.4%)	512 (47.1%)	281 (25.8%)	52 (4.8%)	3.0598	.93780	(S)
C11	Aktiviti Padat	32 (2.9%)	111 (10.2%)	445 (40.9%)	424 (39.0%)	75 (6.9%)	3.3671	.86711	(S)
Keseluruhan							3.61	.38	(S)

T= Tinggi, S= Sederhana, R= Rendah

Jadual 3 menunjukkan tahap kepuasan responden terhadap PGS secara umum. Bagi mengenal pasti tahap kepuasan tersebut sebanyak 11 item telah diberi kepada setiap responden, antaranya ialah item C1 (Saya berpuashati dengan ceramah jemputan luar), item C2 (Saya berpuas hati dengan ceramah dalam KAGAT), item C3 (saya berpuas hati dengan isi Kandungan ceramah), item C4 (Saya berpuas hati dengan kaedah penyampaian penceramah Jemputan), item C5 (Saya berpuas hati dengan kaedah penyampaian KAGAT), item C6 (Saya rasa bosan mendengar ceramah semasa GS), item C7 (saya suka ceramah yang menggunakan *slide*), item C8 (Tempoh masa program yg sesuai), item C9 (Saya hanya solat berjemaah semasa di PGS), item C10 (Saya lebih suka solat di rumah berbanding di PGS) dan item C11(Saya merasakan aktiviti dalam PGS adalah Padat).

Berdasarkan jadual 3 didapati terdapat tujuh item mendapat skor min yang tinggi iaitu bagi C1 min = 4.11 dan sp 0.607,bagi C2 min = 4.08 dan sp 0.595 bagi C3, min= 4.09 dan sp 0.551, bagi C4 min= 4.08 dan sp 0.57,bagi C6 min=3-78 dan sp= 0.806,bagi C7 min= 3.78dan sp 0.817 serta C9 min = 4.02 dan sp 0.582 manakala empat item memperolehi skor min sederhana iaitu C5 min = 2.55 dan sp 1.00 , bagi C10 min = 3.05 dan sp 0.937, bagi C11 min = 3.36 dan sp 0.867.

Tahap Kepuasan Terhadap Aktiviti Ceramah dalam PGS

Bagi aktiviti ceramah-ceramah yang dianjurkan dalam PGS, kajian ini mendapati sebanyak 21.7% responden sangat bersetuju dan 70.6% bersetuju dengan penceramah jemputan luar. Ia menunjukkan tahap kepuasan responden yang tinggi terhadap penceramah jemputan luar yang membuat pengisian dalam program PGS ,berbanding dengan 5.9% kurang bersetuju,1.0% kurang bersetuju serta 0.7% sahaja yang sangat tidak bersetuju. Bagi item C2 iaitu ceramah dalaman KAGAT, sebanyak 18.8% sangat bersetuju, 73.6% bersetuju, 5.6% kurang bersetuju,1.3% tidak bersetuju dan 0.78% sangat tidak bersetuju. Dapatkan ini menunjukkan

peratusan responden yang berpuas hati dengan ceramah daripada KAGAT lebih rendah berbanding peratus responden yang berpuas hati dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah luar. Walau bagaimana pun perbezaan adalah tidak ketara.

Bagi C3 iaitu tahap kepuasan responden terhadap isi kandungan ceramah dalam PGS sebanyak 17.9% sangat bersetuju, 75.2% bersetuju, 5.5% kurang bersetuju, 0.9% tidak setuju dan 0.5% sangat tidak setuju. Ini menunjukkan majoriti responden iaitu lebih kurang 93.1 % adalah berpuas hati dengan isi kandungan ceramah yang disampaikan oleh para penceramah dalam PGS berbanding yang kurang berpuas hati iaitu kategori kurang setuju,tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah sekitar 6.9% sahaja.

Seterusnya tahap kepuasan responden terhadap kaedah penyampaian ceramah oleh penceramah jemputan dan penceramah dalam KAGAT dapat dilihat pada respon bagi item C4 dan C5. Dapatannya ialah sebanyak 18.4% responden sangat setuju kepada kaedah penceramah jemputan dan 74.1% setuju, 6.1% kurang setuju,0.7% tidak setuju dan 0.7% sangat tidak setuju. Manakala bagi item C5 iaitu kaedah penyampaian penceramah KAGAT hanya 2.5% sangat setuju,14.8% setuju,34.4% kurang setuju,32.1% tidak setuju dan 16.2% sangat tidak setuju. Perbandingan tahap kepuasan responden bagi item C4 dan C5 adalah agak ketara di mana peratusan responden yang menyukai kaedah penyampaian penceramah luar lebih tinggi iaitu 92.5% (sangat setuju dan setuju) manakala peratusan responden yang menyukai kaedah penyampaian penceramah KAGAT pula hanya sekitar 17.3% sahaja (sangat setuju dan setuju).

Namun demikian dapatan daripada item C6 iaitu bosan mendengar ceramah menunjukkan sesuatu penambahbaikan perlu dilakukan kerana sebanyak 13% responden sangat setuju, 61.9% setuju, 18% kurang setuju,5.1% tidak setuju dan 2% sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa 74.9% (sangat setuju dan setuju) responden adalah mereka yang merasa bosan untuk mendengar ceramah dan sekitar 25.1% (kurang setuju,tidak setuju dan sangat tidak setuju) sahaja yang suka mendengar ceramah. Kaedah penyampaian ceramah yang lebih kreatif mungkin boleh menarik pendengar. Ini dapat dilihat pada item C7 iaitu “saya suka ceramah yang menggunakan slide”. Data menunjukkan 12.1% sangat setuju,64.3% setuju,16.5%kurang setuju,4.3% tidak setuju dan 2.9% sangat tidak setuju. Ini menunjukkan 76.4% (sangat setuju dan setuju) responden lebih menyukai ceramah menggunakan slide manakala 23.7% (kurang setuju,tidak setuju dan sangat tidak setuju) adalah kategori yang masih menerima ceramah dengan cara biasa iaitu walaupun tanpa menggunakan slide. Bagi item C8 iaitu “Tempoh masa PGS adalah sesuai”, sebanyak 3.3% sangat setuju, 23.6% setuju dan 34.7% kurang setuju,26.8% tidak setuju dan 11.7% sangat tidak setuju. Ini menunjukkan hanya 26.9% (sangat setuju dan setuju) merasa puas hati terhadap tempoh masa perlaksanaan PGS sedangkan 73.1%(kurang setuju,tidak setuju dan sangat tidak setuju) pula kurang puas hati dengan tempoh masa pelaksanaan PGS. Data-data ini menjadi indikator bahawa tahap kepuasan dan kaedah pembelajaran responden adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain. Persepsi dan pandangan antara individu sudah pasti berbeza terhadap PGS ini. Bagi individu yang benar-benar mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk memperbaiki diri, mereka menjadikan ilmu sebagai

keutamaan dan meletakkan penceramah atau cara penyampaianya sebagai isu kedua dan tidaklah terlalu penting. Namun bagi kategori kedua, mereka adalah golongan yang sederhana minat atau kurang berminat sebenarnya, mereka memerlukan faktor sampingan yang lain untuk mencetuskan minat terhadap program kerohanian tersebut seperti karakter penceramah yang menarik dari sudut penyampaian yang hebat dan tinggi keilmuannya,kreatif ,penggunaan audio visual serta tempoh masa yang munasabah dan seumpamanya akan lebih menarik minat audien. Ini dibuktikan oleh kajian A.Hadi, Wahyu Hidayat dan Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2017) bertajuk “Faktor-faktor tarikan dalam Metod Dakwah: satu Sorotan Literatur” menyatakan bahawa kaedah atau metod merupakan aspek yang penting dalam menentukan keberkesanan dakwah. Kajian tersebut mengemukakan beberapa faktor yang boleh menjadi daya penarik dalam dakwah. Antara lain ialah faktor pendekatan *targhib* dan *tarhib*, *qudwah*, *quwwah*, faktor kelainan,faktor kesamaan, faktor pengulangan dan faktor kebajikan.

Justeru satu sesi ceramah yang berkesan ialah ceramah mampu menarik sasaran kepada mauduk dakwah. Menurut H.M Ariffin (1991) dan Ab Aziz (1999) elemen psikologi juga penting dalam menarik sasaran dakwah terhadap Islam. Antara caranya ialah menyampaikan dakwah atau ceramah dalam bentuk yang cantik, nyata dan jelas, mudah,berubah-ubah atau bergerak, berulang-ulang, ada unsur pelik dan kelainan dari biasa, tepat pada waktunya, menjinakkan, keperluan, ada hubungan,membuka pemikiran serta mengemukakan alasan. Selain kaedah penyampaian, faktor isi atau bidang ilmu yang disampaikan juga perlu diberi perhatian samada pengisian yang disediakan itu merupakan ilmu yang diperlukan oleh responden atau sebaliknya. Menurut Mazanah Muhammad dan G.L Carter (2000) menyatakan bahawa orang-orang dewasa lazimnya suka mempelajari sesuatu yang mereka perlukan pada sesuatu masa. Ianya samada mencari sesuatu yang baru atau melengkapkan ilmu pengetahuan agama yang terkurang pada zaman muda atau remaja mereka.

Tahap Kepuasan Terhadap Solat Berjemaah

Bagi melihat tahap kepuasan responden terhadap aktiviti solat berjemaah input daripada item C9 menunjukkan 14.4% responden sangat bersetuju bahawa mereka hanya solat berjemaah ketika berada di dalam PGS sahaja, 76.4% lagi bersetuju dalam perkara ini. Manakala sebanyak 7.1% adalah kurang bersetuju,15.4% adalah tidak bersetuju dan 0.7% sangat tidak bersetuju mengenainya. Dapatkan ini menunjukkan bahawa 90.8% (sangat bersetuju dan bersetuju) responden hanya melakukan solat berjemaah semasa PGS dan hanya sekitar 9.2% (kurang bersetuju,tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju) sahaja responden yang melakukan solat berjemaah walaupun bukan dalam PGS. Pemahaman di sebalik dapatkan ini ialah responden belum dapat melazimi diri dengan solat berjemaah walaupun telah dilatih dalam PGS dengan solat berjemaah, qiyamullail dan sebagainya. Dari sudut yang lain pula,dapatkan ini menunjukkan PGS sekurang-kurangnya telah berjaya mendekatkan responden dengan solat secara berjemaah semasa berada dalam aktiviti PGS. Bagi Item C10 sebanyak 4.8% sangat bersetuju,25.8% bersetuju, 47.1% kurang bersetuju, 15.4% tidak bersetuju dan 7%

sangat tidak bersetuju bahawa mereka lebih suka solat di rumah berbanding solat di PGS. Ini bermakna sebanyak 30.6% (sangat setuju dan setuju) responden lebih suka solat di rumah berbanding di PGS manakala 69.4% (kurang setuju,tidak setuju dan sangat tidak setuju) tidak berpendapat bahawa solat di rumah lebih disukai berbanding berjemaah di PGS. Ia menunjukkan responden yang suka solat berjemaah lebih tinggi peratusannya berbanding individu yang suka solat di rumah.

Kajian Siti Zaleha (2016) dalam kajian mengenai solat berjemaah dalam kalangan pelajar IPT Islam mendapati antara faktor yang menjadi punca utama menghalang pelajar-pelajar menunaikan solat berjemaah iaitu kekangan masa dan jadual perkuliahan yang padat,tugasan yang terlalu banyak,bacaan imam yang panjang dan pengaruh rakan sebaya. Selain itu, kajian Shukri (2014) juga mendapati faktor kedudukan masjid yang jauh daripada kolej penginapan pelajar turut menjadi salah satu faktor tidak menunaikan solat berjemaah disamping faktor lain. Kajian Napisah (2004) pula mendapati bacaan imam yang baik, pengaruh rakan-rakan serta amalan-amalan dalam keluarga menjadi faktor pendorong yang penting mempengaruhi amalan solat berjemaah.

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa tedapat banyak faktor yang menyebabkan seseorang itu tidak menunaikan solat berjemaah. Justeru faktor-faktor yang menghalang solat berjemaah hendaklah diberi perhatian serius oleh pengurusan Masjid an-Nur agar dapat melahirkan warga Navy People yang lebih berkualiti dan mempunyai kecerdasan emosi serta lebih berdaya saing. Ini dibuktikan melalui kajian Ahmad Jauhari, Asmaran A.S dan Siti Faridah (2017) menyatakan terdapat hubungan yang kuat antara solat fardhu berjemaah dengan kecerdasan emosi individu di mana selepas mula mengamalkan solat berjemaah responden mengakui lebih tenang, mudah bergaul, dapat mengawal perasaan serta mampu menahan marah.

Tahap Kepuasan Terhadap Tempoh Masa dan Kepadatan Aktiviti dalam PGS

Analisis tahap kepuasan hati anggota atau responden terhadap keseluruhan PGS dianalisis melalui dapatan pada item C8 dan item C11. Item C8 adalah berkaitan dengan tahap kepuasan hati anggota terhadap tempoh masa PGS dan juga kepadatan jadual aktiviti dalam PGS. Bagi item C8 sebanyak 73.1% responden tidak berpuas hati bahawa tempoh masa pelaksanaan PGS adalah sesuai. Bagi item C11 sebanyak 6.9% sangat bersetuju,39% bersetuju,40.9% kurang bersetuju,10.2% tidak bersetuju dan 2.9% sangat tidak bersetuju. Ini bermakna bagi item C11, majoriti responden tidak berpendapat bahawa jadual pelaksanaan PGS adalah padat, iaitu 54% (kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju), sedangkan sebanyak 46% mengatakan bahawa jadual aktiviti dalam PGS adalah padat. Ini menunjukkan majoriti responden tidak berpuas hati terhadap tempoh masa pelaksanaan PGS tetapi majoriti responden sebaliknya bersetuju bahawa jadual aktiviti dalam PGS adalah tidak padat.

Secara keseluruhannya tahap kepuasan anggota terhadap aktiviti ceramah, qiyamullail,tempoh masa aktiviti dan kepadatan aktiviti dalam Program Gempur Subuh adalah di tahap sederhana berdasarkan nilai purata min bagi bahagian C ialah pada skala 3.61.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Tahap kepuasan anggota telah dinilai dari tiga aspek iaitu kepuasan terhadap program ceramah dan kuliah, kepuasan terhadap program solat berjemaah dan juga qiyamullail serta kepuasan terhadap tempoh masa serta kepadatan Program Gempur Subuh.

Analisis terhadap semua item yang berkenaan dengan penilaian responden terhadap aktiviti ceramah mendapat 6 daripada 7 item mencapai skor nilai purata yang tinggi, di mana skor paling tinggi ialah terhadap penceramah jemputan luar dengan skor min 4.11. Hanya 1 item sahaja pada bahagian ini yang mencapai skor sederhana iaitu penilaian terhadap cara penyampaian penceramah dalam KAGAT yang memperolehi skor min 2.55 iaitu sederhana. Kajian ini turut mendapati majoriti responden iaitu 70.4% merasa bosan apabila mendengar ceramah. Dapatkan ini selari dengan kajian-kajian lepas yang dibincangkan dalam bab 2, di mana pendekatan yang lebih terkini dan menarik amat penting bagi memastikan mesej dakwah atau ilmu yang disampaikan dapat diterima dengan baik oleh pendengar. Para penceramah seharusnya mula menguasai teknik ceramah berkesan di samping menguasai teknologi-teknologi terkini.

Kajian mendapati majoriti responden iaitu 90.8% hanya mendirikan solat fardu berjemaah semasa program GS sahaja. Sebaliknya 69.4% responden suka solat berjemaah berbanding dengan solat sendirian di rumah. Ini menunjukkan anggota menyukai solat berjemaah adalah lebih tinggi peratusannya berbanding anggota yang suka solat di rumah. Ini juga merupakan satu pencapaian bagi TLDM kerana berhasil mendekatkan anggota dengan solat berjemaah yang sangat dititik beratkan oleh baginda nabi SAW terutama kepada lelaki, bahkan lebih penting lagi anggota tentera yang pastinya memerlukan keteguhan dan kecerdasan mental, fizikal, emosi dan spiritual yang tinggi.

Seterusnya berkenaan tahap kepuasan responden terhadap tempoh masa pelaksanaan program GS memperolehi skor min 2.8 iaitu sederhana. Kajian mendapati kebanyakan responden berada dalam kategori sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju dan kurang bersetuju dengan tempoh masa pelaksanaan program GS. Akan tetapi ianya bukanlah disebabkan oleh kepadatan program kerana majoriti responden tidak bersetuju bahawa jadual aktiviti bagi program ini adalah padat. Oleh itu penambahbaikan dari sudut tempoh dan juga masa pelaksanaan program ini perlu dilakukan agar bersesuaian dengan jadual kerja anggota dan seumpamanya.

Kesimpulannya, tahap kepuasan anggota terhadap aktiviti ceramah, qiyamullail, tempoh masa aktiviti dan kepadatan aktiviti dalam Program Gempur Subuh adalah di tahap sederhana. Oleh yang demikian adalah perlu bagi pengurusan masjid untuk merencana dan merancang aktiviti-aktiviti Program Gempur Subuh supaya dapat menarik minat dan mengekalkan momentum kecintaan terhadap pelaksanaan ibadah demi kekuatan dalam anggota seterusnya menguatkan pertahanan negara.

RUJUKAN

- Abd, F.A., (2008) Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25(25), 73-88.
- Ahmad Shalaby (1954). *History of Muslim Education*. Lubnan : Dar al-Kashashaf.
- Ahmad, S., Don, Y., Wan Abdullah, W.A.R.K., Mohd Ibrahim, M., dan Mat Husin, S.F. *Penghayatan Solat dan Pengimaranan Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar UUM*. In: 2nd International Conference on Social Sciences Research (ICSSR 2014), 9 - 10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Aliafandy, 2015, Kisah Benar Tentera Sultan Muhammad Al-Fateh, diakses dari <https://ohgosipmalaysia1.blogspot.com/2015/08/kisah-benar-tentera-sultan-muhammad-al.html>
- Daud, M. (2001). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Dapat RM5, solat subuh di masjid, 2022, diakses dari <https://www.kosmo.com.my/2022/07/08/dapat-rm5-solat-subuh-di-masjid/>
- Humni, N., Sabar,S., Khalid,M., dan Mohd Suradi, MR. (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardu di Kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan*, 5, 1-14.
- Jamsari, E.A. Tumiran,S.N.,Abu Bakar, A., dan Arifin, Z., (2010). Peranan Dan Sumbangan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Sangapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Senawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31-44
- Md. Yusoff, Y., Sulaiman, M.A., 2004. Kajian Tentang Maklumbalas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 20(20), 201-222.
- Mohd Noor, Fatimah Nadirah (2012) *Program pembangunan insan dalam kalangan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) : masalah dan penyelesaian / Fatimah Nadirah binti Mohd Noor*. Masters thesis, University of Malaya.
- Muhammad, M., Carter, G.L.,(2000). *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur : Utusan Publication
- Nor Shahida Shahrel. 2018. Penerimaan Pendengar Terhadap Penceramah Dari Luar Negara: Kajian di Masjid Al-Falah USJ 9, Selangor.
- Nurul Fatihah Sulaini, 2022, Solat Subuh, Isyak di Masjid Hadhari dapat RM7, diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2022/12/1036147/solat-subuh-isyak-di-masjid-hadhari-dapat-rm7>
- Program Gempur Subuh, 2017, Guide Me Project Facebook, diakses dari <https://www.facebook.com/media/set/?set=a.1448008055272762.1073741838.1346581892082046&type=3>
- Sulaji, Suriyana; Hassan, Suhaila; Wan Hitam, Wan Fadhilah., 2017. Mengenalpasti Tahap Kepuasan Peserta Terhadap Pelaksanaan Kursus Pendek Di Kolej Komuniti Selandar, Melaka. Politeknik & Kolej Komuniti *Journal of Life Long Learning*, 1(1), 132-142.

Tahap Kepuasan Program Gempur Subuh Masjid An-Nur
Dalam Kalangan *The Navy People* Pangkalan TLDM Lumut
Nurul Khairiah Khalid, Ahmad Rozaini Ali Hassan & Wan Kamal Nadzif Wan Jamil

Yusmizal Dolah Aling, 2020, Latih remaja mengimarahkan masjid, diakses dari
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/595178/latih-remaja-mengimarahkan-masjid>

Zamri Rajab, Muhammad Zawawi Muhammad Ali, Mohd Yusri Mustafa, Mohd Rusli Ismail, Abdullah Mohamad. 2020. Andragogi Pengajaran Kuliah Dalam Program Mengimarahkan Masjid Dan Surau Masa Kini. Conference: Kolokium Aktiviti Kesarjanaan 2020 At: Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut Terengganu Malaysia